Pelita Brunei

208 graduan UNISSA terima ijazah, sijil

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menyempurnakan pengurniaan Ijazah Doktor Falsafah, Ijazah Sarjana, Ijazah Sarjana Muda, Diploma dan Sijil kepada para graduan yang berjaya menamatkan pengajian pada Majlis Hafl Al-Takharruj Ke-8 UNISSA (atas, bawah kiri dan bawah kanan).

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dan paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Pro Canselor UNISSA berkenan bergambar ramai bersama Ahli-ahli Majlis UNISSA, jemputan-jemputan luar negara dan Pegawai-pegawai Utama UNISSA.

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 17 September. - Seramai 208 graduan Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) menerima ijazah dan sijil dalam pelbagai bidang dan peringkat pengajian pada Majlis Hafl Al-Takharruj Ke-8 UNISSA di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Berkenan berangkat bagi mengurniakan ijazah dan sijil ialah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor UNISSA.

Juga berangkat, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Pro Canselor UNISSA.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia dijunjung oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Hamzah bin Haji Sulaiman, selaku Pengerusi Majlis UNISSA dan Rektor UNISSA, Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal.

Sejurus keberangkatan, selawat dan qasidah (dikir) 'Ahlan Bikum Sultanana' berkumandang mengiringi perarakan masuk Kebawah DYMM dan Duli Yang Teramat Mulia ke Dewan Plenari dan diikuti dengan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam.

Terlebih dahulu, bacaan Surah Al-Fatihah dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Hafl Al-Takharruj Ke-8 UNISSA seterusnya dimarahkan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran, iaitu Surah Al-Kahfi, ayat 1 hingga 10, dibacakan oleh graduan Sarjana Muda Aqidah dan Dakwah, Awang Abdul Qawiyuddin bin Suhaili manakala bacaan Al-Hadis disampaikan oleh graduan Sarjana Muda Bahasa Arab, Awang Muhammad Nuralif bin Haji Talib, sementara bacaan inti sari ayat Al-Quran berserta Al-Hadis dibacakan oleh graduan Sarjana Muda Syariah Fiqh dan Qadha, Awang Muhammad Khairul Wafiy bin Khairil Anuar.

Pada majlis itu, Kebawah DYMM berkenan mengurniakan titah dan seterusnya menyempurnakan pengurniaan ijazah serta sijil kepada para graduan.

Terlebih dahulu, Rektor UNISSA menyembahkan sembah alu-aluan dan memaklumkan penerima-penerima pingat dan Hadiah Buku Universiti serta para penyumbang sempena Hafl Al-Takharruj Ke-8 UNISSA ini. oleh Kebawah DYMM.

Pada majlis tersebut, turut melakar sejarah dengan pengurniaan Ijazah Doktor Kehormat Kewangan Islam ke hadapan majlis Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Pro Cancelor UNISSA yang disempurnakan pengurniaannya oleh Kebawah DYMM.

Bagi memberkati majlis, Doa Selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Sebelum berangkat meninggalkan majlis, Kebawah DYMM dan DYTM juga berkenan mengabadikan kenangan bergambar ramai bersama para graduan.

Hafl Al-Takharruj tahun ini menyaksikan dua graduan menerima Ijazah Doktor Falsafah, 25 graduan Ijazah Sarjana, 17 penerima Diploma Lepas Ijazah, 142 graduan menerima Ijazah Sarjana Muda, enam graduan menerima Ijazah Diploma Tertinggi Kebangsaan al-Dirasaat al-Islamiyyah, 12 graduan menerima Ijazah Diploma Tertinggi Kebangsaan Sistem Keadilan Jenayah Syariah dan empat penerima Sijil Barnamij al-Tarqiyah (Program Peningkatan).

Hafl Takharruj Ke-8 UNISSA juga telah dimeriahkan lagi dengan kehadiran seramai 21 buah institusi pengajian tinggi luar negara iaitu daripada India, Bangladesh, Sudan, Timor Leste, Malaysia dan Indonesia.

DOA Selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned (bawah kiri). Sementara gambar bawah tengah dan bawah kanan, suasana Majlis Hafl Al-Takharruj Ke-8 UNISSA yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan berswafoto bersama para graduan dan juga ibu bapa graduan (atas). Sementara gambar bawah kiri, wajah ceria dan gembira para graduan UNISSA yang telah berjaya menerima ijazah dan sijil dalam pelbagai bidang dan peringkat pengajian pada majlis tersebut. Manakala gambar bawah kanan, selawat dan qasidah (dikir) 'Ahlan Bikum Sultanana' mengiringi perarakan masuk Kebawah DYMM dan DYTM ke Dewan Plenari, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.